

# IRU jalin kerjasama IPT tempatan

KUALA LUMPUR: Rangkaian Universiti Penyelidikan Inovatif (IRU) Australia merintis kerjasama penyelidikan antarabangsa menerusi pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) dengan lima institusi pengajian tinggi (IPT) negara ini.

Griffith University menandatangani MoU dengan Universiti Teknologi MARA, Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Tunku Abdul Rahman, manakala The University of Newcastle Australia dengan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pengerusi IRU merangkap Nail Canselor dan Presiden Griffith University, Profesor

Ian O'Connor, berkata aktiviti penyelidikan, pertukaran ahli akademik dan pelajar serta penganugerahan biasiswa dan dana penyelidikan antara manfaat bakal dinikmati kedua-dua negara menerusi pemeteraian kerjasama itu.

Katanya, keutamaan aktiviti penyelidikan akan diambil kepada bidang menjadi kepentingan nasional kedua-dua negara termasuk pemanasan global, penyakit berjangkit, perubatan, air, tenaga dan keselamatan.

"Penyelidikan kini bersifat antarabangsa. Tiada negara mampu bergantung sepenuhnya kepada hasil kajian penyelidiknya. Bagi menerokai dunia penyelidikan antarabangsa dengan

berkesan, penyelidik Australia dan Malaysia perlu bekerjasama bagi memperbaiki hasil kajian untuk manfaat bersama.

"Kami kagum dengan kualiti penyelidikan negara ini dan berharap dapat berkongsi bakat dan pengetahuan menerusi kerjasama dimeterai. IPT Malaysia menjadi pilihan pertama usaha merintis jaringan kerjasama penyelidikan merentas sempadan kerana mengutamakan pelaburan tinggi dalam bidang pendidikan seperti diamalkan Australia dalam usaha menjadi negara yang 'bijak'," katanya sempena Forum Penyelidikan dan Inovasi Australia-Malaysia di sini, semalam.